



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH**
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

18 Ogos 2023

KENYATAAN MEDIA

BERHUBUNG KEHADIRAN SAKSI-SAKSI KE PROSIDING PAC PARLIMEN

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) menyambut baik kenyataan daripada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali semalam, bahawa semua pegawai Kerajaan dan bekas pegawai Kerajaan sentiasa bersedia untuk memberi kerjasama kepada PAC.
2. PAC sebelum ini tidak pernah mempunyai masalah dengan ketidakhadiran bekas pegawai tinggi Kerajaan. Sebagai contoh, Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah, mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan hadir dalam prosiding PAC pada tahun 2018 dan Tan Sri Dr. Abdul Aziz Jaafar, mantan Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) hadir pada tahun 2021. Kedua-dua mereka ini, tetap hadir walaupun sudah bersara dan memberi kerjasama dalam prosiding yang diadakan PAC.
3. Malah, mantan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak hadir di hadapan PAC pada tahun 2018 untuk memberi penjelasan kepada Jawatankuasa ini, selain mantan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee juga pernah hadir memberi penjelasan pada tahun 2021.

4. Kenyataan saya sebelum ini, adalah sebagai satu peringatan kepada semua saksi PAC terutama mantan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan supaya sentiasa bersedia untuk hadir ke PAC apabila dipanggil. Ini memandangkan beberapa prosiding PAC sebelum ini seperti Prosiding Pengurusan Wabak Covid-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE) serta Prosiding Menteri Kewangan (Diperbadankan) – FELCRA Berhad dijangka membabitkan mantan Ketua Setiausaha, mantan Pengerusi dan mantan Ahli Lembaga Pengarah, sekiranya diperlukan.

5. PAC sebenarnya tidak mahu menggunakan kuasa di bawah seksyen 9(a), Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 [Akta 347] kerana ia akan memberi kesan negatif kepada individu terbabit termasuk kemungkinan ditangkap sekiranya tidak menjelaskan denda. Namun, PAC tidak teragak-agak menggunakan kuasa yang diperuntukkan di bawah akta berkenaan bagi memastikan kredibiliti Jawatankuasa ini terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen